

Panduan Pergerakan Barang Secara Pentadbiran Bagi Prosedur Kawalan Kastam di Zon Bebas (Borang Pentadbiran)

1. Penggunaan Borang Kelulusan Pergerakan Barang Secara Pentadbiran (dikenali sebagai Borang Pentadbiran) adalah satu kemudahan yang diberikan oleh Jabatan untuk melancarkan proses pergerakan barang di antara zon bebas dan KUK.
2. Ini selaras dengan kuasa yang diperuntukkan kepada Ketua Pengarah Kastam di bawah Peraturan 32 Peraturan – Peraturan Zon Bebas 1991 yang menyatakan bahawa Ketua Pengarah Kastam boleh memberi pengecualian kepada mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan di Bahagian III – Pengendalian Barang-Barang, Peraturan – Peraturan Zon Bebas 1991.
3. Penggunaan Borang Pentadbiran merangkumi pergerakan barang antara zon bebas dan KUK bagi tujuan seperti berikut:
 - a. Barang tersenarai di bawah Perintah Zon Bebas (Pengecualian Barang) 1998 yang dibawa masuk ke zon bebas dan telah dibayar duti / cukai untuk dibawa keluar ke KUK.
 - b. Baikpulih / penyelenggaraan barang zon bebas di KUK yang melibatkan aktiviti pelabuhan dan lapangan terbang dalam zon bebas.
 - c. Penggunaan sementara peralatan dari KUK di zon bebas.
 - d. Barang dari KUK yang tidak berduti eksport seperti bahan binaan, makanan dan minuman, pakaian, alat tulis, kertas dan lain-lain bagi tujuan guna habis dalam zon bebas.
 - e. Bahan buangan pembungkusan / sampah dari zon bebas ke KUK.
 - f. Pergerakan barang ke dalam kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas tetapi berada dalam kawasan zon bebas.
 - g. Barang dari KUK bagi tujuan kegunaan dalam zon bebas berkenaan (bukan maksud pengilangan atau perdagangan) yang telah dibayar duti / cukai seperti perabot, perkakas dapur, alat elektronik, barang-barang pembaikan jalan, infrastruktur dalam zon bebas dan sebagainya.

- h. Barang-barang belian runcit oleh pelancong yang akan berlepas ke Thailand dari Zon Bebas Cukai Rantau Panjang ke Kompleks ICQS Rantau Panjang melalui KUK.
- 4. Permohonan pergerakan barang bagi tujuan selain dari yang dinyatakan di para 3 hendaklah dirujuk kepada Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat untuk kelulusan.
- 5. Kelulusan pergerakan barang secara pentadbiran tidak terpakai bagi perkara-perkara berikut:
 - a. Barang yang tertakluk kepada keperluan permit / lesen import / lesen eksport di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2017.
 - b. Barang yang dipindahkan dari Gudang Pengilangan Berlesen, Gudang Berlesen, Gudang Eksais / Gudang Pengilangan Eksais, Pangkalan Bekalan Petroleum, Pulau Bebas Cukai dan Kedai Bebas Cukai.
 - c. Barang yang tertakluk kepada duti eksport.
- 6. Borang Pentadbiran hendaklah diisi dalam tiga (3) salinan dan dikemukakan oleh pemunya barang / ejen kastam / wakil syarikat kepada pegawai kastam yang hak di stesen kastam yang mengawal bagi tujuan kelulusan.
- 7. Borang Pentadbiran perlulah disertakan dengan dokumen sokongan seperti berikut:
 - a. Invois;
 - b. Pesanan belian; atau
 - c. Dokumen-dokumen lain yang diperlukan oleh stesen kastam yang mengawal.
- 8. Syarat-syarat khusus yang perlu dipatuhi berdasarkan kepada tujuan pergerakan barang yang terlibat adalah seperti berikut:
 - a. Barang tersenarai di bawah Perintah Zon Bebas (Pengecualian Barang) 1998 yang dibawa masuk ke zon bebas dan telah dibayar duti / cukai untuk dibawa keluar ke KUK.

- i. Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh stesen kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.
 - ii. Pemohon hendaklah membuktikan bahawa barang telah dibayar duti / cukai dengan mengemukakan Borang Kastam No.1 / Resit Rasmi Kastam (*Customs Official Receipt – COR*)
- b. Baikpulih / penyelenggaraan barang di KUK yang melibatkan aktiviti pelabuhan dan lapangan terbang dalam zon bebas.
- i. Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh stesen kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.
 - ii. Barang dibenarkan untuk dibaikpulih dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kelulusan diberikan.
 - iii. Stesen kastam yang mengawal boleh mempertimbangkan lanjutan tempoh maksimum selama enam (6) bulan lagi sekiranya perlu.
 - iv. Permohonan baharu hendaklah dikemukakan apabila barang tersebut dibawa masuk semula ke dalam zon bebas dari KUK dan disertakan bersama-sama dengan borang kelulusan asal.
- c. Penggunaan sementara peralatan dari KUK di zon bebas (seperti mesin fotostat, komputer dan lain-lain);
- i. Hanya senarai peralatan dan kuantiti yang diluluskan oleh stesen kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.
 - ii. Tidak terpakai bagi pergerakan dari zon bebas ke KUK.
 - iii. Peralatan boleh berada di zon bebas dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberikan atau mengikut tempoh yang dinyatakan dalam sesuatu kontrak jika berkaitan.
 - iv. Stesen kastam yang mengawal boleh mempertimbangkan lanjutan tempoh maksimum selama enam (6) bulan lagi sekiranya perlu.
 - v. Permohonan baharu hendaklah dikemukakan apabila barang tersebut dibawa masuk semula ke KUK dan disertakan bersama-sama dengan borang kelulusan asal.

- d. Barang dari KUK seperti bahan binaan, makanan dan minuman, pakaian, alat tulis, kertas dan lain-lain bagi tujuan guna habis dalam zon bebas.
 - i. Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh stesen kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.
 - ii. Pergerakan barang yang terlibat adalah dari KUK ke zon bebas.
 - iii. Barang yang dibawa masuk ke zon bebas tidak tertakluk kepada duti eksport.
- e. Bahan buangan pembungkusan / sampah dari zon bebas ke KUK.
 - i. Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh stesen kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.
 - ii. Sekiranya ia melibatkan barang *hazardous waste*, permit dari agensi berkenaan hendaklah disertakan (jika berkaitan).
- f. Pergerakan barang ke dalam kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas tetapi berada dalam kawasan zon bebas.
 - i. Pergerakan barang dari KUK ke kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas tetapi berada dalam kawasan zon bebas dan sebaliknya.
 - Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh stesen kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.
 - Pergerakan melibatkan barang syarikat / kilang yang beroperasi di kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas.
 - ii. Pergerakan barang antara kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas dan berada dalam zon bebas yang sama.
 - Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh stesen kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.

- Hanya melibatkan barang syarikat / kilang yang beroperasi di kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai zon bebas.
- g. Barang dari KUK bagi tujuan kegunaan dalam zon bebas berkenaan (bukan maksud pengilangan atau perdagangan) seperti perabot, perkakas dapur, alat elektronik, barang-barang pembaikan jalan, infrastruktur dalam zon bebas dan sebagainya.
- i. Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh stesen kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.
 - ii. Barang yang dibawa masuk ke zon bebas tidak tertakluk kepada duti eksport.
- h. Barang-barang belian runcit oleh pelancong yang akan berlepas ke Thailand dari Zon Bebas Cukai Rantau Panjang ke Kompleks ICQS Rantau Panjang melalui KUK.
- i. Hanya senarai barang dan kuantiti yang diluluskan oleh stesen kastam yang mengawal sahaja dibenarkan.
 - ii. Kelulusan ini hanya boleh diberikan kepada pelancong yang akan berlepas ke Thailand melalui Kompleks ICQS Rantau Panjang.
 - iii. Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen perjalanan yang sah kepada pegawai kastam di pintu keluar / masuk zon bebas.
 - iv. Pegawai kastam di Kompleks ICQS Rantau Panjang hendaklah mengembalikan salinan Borang Pentadbiran yang telah diluluskan kepada Unit Zon Bebas Rantau Panjang.